



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 57

20hb Jun 2013

No. 13

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 371.**

(Seksyen 130)

### NOTIS PENGEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucutkhan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutkhan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah ini menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

### JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

Mukim—16, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—4049. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 49598. Luas—9,411 meter persegi.

Bertarikh 23 Mei 2013  
[PTSPT/F/6A/63/2009(15)]

HAJI JUSNI BIN HAJI ISMAIL  
Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Pulau Pinang

No. 372.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Georgetown, Seksyen 5, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—2626. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 50248. Luas—249.0 meter persegi.

Bertarikh 16 Mei 2013  
[PTG/PP/76/Jld. 61(56) dlm.(7)]

NURHAFIZA BINTI AHMAD  
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

No. 373.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—9, Daerah Seberang Perai Selatan. No. Lot—1424. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 220. Luas—8978.9484 meter persegi.

Bertarikh 17 Mei 2013  
[PTSPS/D/328/Lot 1424 MK. 9 SPS]

ABD. RAHMAN BIN SHAFFIE BIN KASSIM  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Selatan  
Pulau Pinang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

20hb Jun 2013]

303

---

### No. 374.

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Mukim—9, Daerah Barat Daya. No. Lot—1501. Jenis dan No. Hakmilik— Geran Mukim 247. Luas—120.0 meter persegi.

Bertarikh 21 Mei 2013  
[PTBD/P/46 Jld. 7(32)]

ZAITON BINTI ABD RASHID  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Daerah Barat Daya*  
*Pulau Pinang*

### No. 375.

(Seksyen 187B)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Bandar—Butterworth, Seksyen 3, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. P.T.—991. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 165S3. Luas—120.6771 meter persegi.

Bertarikh 13 Mei 2013  
[PTG/PP/76/Jld. 61(54) dlm.(5)]

NURHAFIZA BINTI AHMAD  
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah*  
*Pulau Pinang*

No. 376.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran sementara yang telah hilang/rosak.

JADUAL

Mukim—16, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—4022. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 22661. Luas—124.0 meter persegi.

Bertarikh 16 Mei 2013  
[PTG/PP/76/Jld. 61(55) dlm.(6)]

NURHAFIZA BINTI AHMAD  
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

No. 377.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan suratan hakmilik keluaran yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—15, Seberang Perai Tengah. No. P.T.—18. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 26. Luas—130.06 meter persegi.

Bertarikh 14 Mei 2013  
[PTSP/D/01/09/183]

MARHAINI BINTI ABU BAKAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Tengah  
Bukit Mertajam  
Pulau Pinang*

No. 378.

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN BERSYARAT YANG BARU

PEMBETULAN

Dalam Pemberitahuan *Warta* No. 56 yang disiarkan pada 31 Januari 2013, gantikan H.S.(D) 28531 yang terdapat dalam Jadual dengan P.N. 7307.

[PTG/PP/76/Jld. 60(94) dlm.(6)]

No. 379.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Inthirani a/p D Apparu, yang beralamat di No. 10 Jalan Kesumba 1, Taman Kesumba, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 29 Julai 2013 pukul 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—4, Seberang Perai Selatan. No. Lot—1567 dan Lot 1529. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1312 dan 1350. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2011001791.

Bertarikh 30 Mei 2013  
[0703AUC2013000015]

SHAARI BIN HUSSAIN  
*Pentadbir Tanah*  
*Seberang Perai Selatan*  
*Pulau Pinang*

**No. 380.**

(Seksyen 261)

**SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN**

Kepada Jasni bin Abu Hasan dan Misnah binti Ismail, yang beralamat di No. 21 Lorong 5, Taman Gamelan, 14200 Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jualan dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan pada 29 Julai 2013 pukul 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim—6, Seberang Perai Selatan. No. Lot—2598. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 218. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 0703SC2006000035.

Bertarikh 30 Mei 2013  
[0703AUC2013000014]

SHAARI BIN HUSSAIN  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Selatan  
Pulau Pinang*

**No. 381.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Hasrina binti Ma'Saud, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 2 Julai 2013 pada 10.00 pagi di Pusat Kawalan Operasi Bencana, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara; dan

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah:

Lot 581, G.M. 1568, Mukim 5	=	RM230,000.00
Lot 5311, G.M. 3035, Mukim 5	=	RM120,000.00
Lot 5767, G.M. 2898, Mukim 8	=	RM40,000.00

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM1,773,378.41. Nama pemegang gadaian—Bank Islam Malaysia Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:

Lot 581, G.M. 1568, Mukim 5	=	RM23,000.00
Lot 5311, G.M. 3035, Mukim 5	=	RM12,000.00
Lot 5767, G.M. 2898, Mukim 8	=	RM4,000.00

(b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

(i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

(d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 30 Oktober 2013 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

(e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

308

[20hb Jun 2013]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	No. Berdaftar Gadaian (Jika ada)
5, Seberang Perai Utara	581	G.M. 1568	0702SC2007001860 0702SC2010002597
5, Seberang Perai Utara	5311 (Dahulunya Lot 602)	G.M. 3035 (Dahulunya G.M. 1583)	0702SC2007001860 0702SC2010002597
8, Seberang Perai Utara	5767 (Dahulunya Lot 1852)	G.M. 2898 (Dahulunya G.M. 1460)	0702SC2007001860

Bertarikh 23 April 2013  
[PTSPU(L) 49/2012(27)]

HASRINA BINTI MA' SAUD  
*Pentadbir Tanah  
Seberang Perai Utara  
Pulau Pinang*

**No. 382.**

(Seksyen 326)

## NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Beh Hung Hai beralamat di No. 3115 Jalan Changkat, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 0703B2012000525 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Beh Ching Hoa telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—13, Seberang Perai Selatan. No. Lot—161. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 156.

Bertarikh 18 Februari 2013  
[(2) dlm. PTSPS/D/086/Notis 19C]

NORBIHA SALASIAH BINTI BUSU  
*Pejabat Daerah dan Tanah  
Seberang Perai Selatan  
Pulau Pinang*

## WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

20hb Jun 2013]

309

### No. 383.

(Seksyen 326)

#### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Tan Eng Hai (K/P 510722-07-5195) beralamat di No. 106 Jalan Kedah, 10050 Georgetown, Pulau Pinang dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 0799B2012010888 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah yang dinyatakan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuan punya tanah itu di bawah kepentingan yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat tersebut dipotong.

Ambil perhatian bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar—Georgetown, Seksyen 15, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—350. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 10833. Bahagian Tanah (Jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (Jika ada)—Gadaian No. Perserahan: 0799SC2009011641.

Bertarikh 25 April 2013  
[PPHMT/PP/C/505/46:8(7)]

NORLIANA BINTI ISMAIL  
*Pendaftaran Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

### No. 384.

(Seksyen 326)

#### NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Tan Eng Hai (K/P 510722-07-5195) beralamat di No. 106 Jalan Kedah, 10050 Georgetown, Pulau Pinang dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 0799B2011005320 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah yang dinyatakan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuan punya tanah itu di bawah kepentingan yang diperihalkan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat tersebut dipotong.

Ambil perhatian bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintah oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar—Georgetown, Seksyen 15, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—350. Perihal dan No. Hakmilik—GRN 10833. Bahagian Tanah (Jika ada)—Kesemua. No. Berdaftar Gadaian (Jika ada)—Gadaian No. Perserahan: 0799SC2009011641.

Bertarikh 25 April 2013  
[PPHMT/PP/C/505/46:9(7)]

NORLIANA BINTI ISMAIL  
*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pulau Pinang*

**No. 385.**AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
(Akta 486)

*LAND ACQUISITION ACT 1960  
(Act 486)*

(Seksyen 4)

(Section 4)

## PEMBERITAHU BAHAWA TANAH MUNGKIN DIAMBIL

*NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED*

Dengan ini adalah diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Tujuan awam di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] iaitu Projek Pembinaan Jejambat Menghubungkan Jalan Nangka Dengan Jalan Perda Timur.

2. Dengan ini, adalah selanjutnya diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

20hb Jun 2013]

311

*It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:*

*Public purpose under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] to wit a Construction Project of a Flyover Connecting Jalan Nangka and Jalan Perda Timur.*

*2. It is further notified that any person authorized by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at District and Land Office, Seberang Perai Tengah.*

## JADUAL/SCHEDULE

### Daerah/District—Seberang Perai Tengah. Mukim/Township—7.

No. Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Pendudukan/ Title or Occupation	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupant	Keluasan Lot/ Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil/ Approximate Area to be Acquired
	G.M.		Meter Persegi/ Square Metres	Meter Persegi/ Square Metres
634	99	Jusoh bin Abdullah sebagai Pemegang Kuasa (probate)/ Executor 1 menurut Transmission Jil. 10 Fol. 160— 3-12-75, 1/1 bhg.	401	385
636	100	Hj. Robayah bt. Japar sebagai Pemegang Kuasa (probate)/ Executor 1, 1/1 bhg.	2686	799
888	648	Jusoh bin Abdullah sebagai Pemegang Kuasa (probate)/ Executor 1, 1/1 bhg.	2559	2309
879	611	Abdul Wahab bin Shaik Adam 1/4 bhg., Teh bt. Othman 1/4 bhg. dan Abdul Wahab bin Shaik Adam sebagai Pemegang Kuasa (probate)/Executor 2/4 bhg.	5626	659
		No. Pers. 1244/2005 Kaveat Persendirian atas tanah oleh Goh Chee Wooi (K/P 680427- 07-5055) No. 293-k, Jelutong Barat, 11600 Pulau Pinang didaftarkan pada 19 Mei 2005 jam 02:22:45 petang		

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**312**

[20hb Jun 2013]

No.	Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Pendudukan/ Title or Occupation	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupant	Keluasan Lot/ Area of Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil/ Approximate Area to be Acquired
		G.M.		Meter Persegi/ Square Metres	Meter Persegi/ Square Metres
881	634	Tai Sooi Moy @ Tye See Mui (K/P 440112-02-5026) 1/1 bhg.		854	853
885	614	Low Kee Chai 1/6 bhg., Low Kee Chai 1/3 bhg., Tan Gaik Choo 1/6 bhg. dan Tan Gaik Choo 1/3 bhg.		1323	1323
886	646	Lee Ah Nga 1/2 bhg. dan Loe Weng Seet 1/2 bhg.		366	366
887	647	Jusof bin Abdullah sebagai Pemegang Kuasa (probate)/ Executor 1, 1/1 bhg.		625	625
635	568	Goh Seong Bee (K/P 530620- 07-5213) 1/1 bhg.		564	562
894	656	Abu Bakar bin Hussain (K/P 5241138) 1/30 bhg., Ismail bin Hussain (K/P 6914975) 1/30 bhg., Khelijah bt. Hussin (K/P 4851736) 1/30 bhg., Mat Isa bin Che Mat 1/6 bhg., Md. Saad bin Shariff (K/P 370811- 07-5013) 117/3744 bhg., Md. Saad bin Shariff (K/P 3414277) 117/3744 bhg., Md. Saad bin Shariff (K/P 3414277) 156/624 bhg., Nordin bin Husin (No. Polis: Kons. 50340) 1/30 bhg., Omar bin Hussain (K/P 600414- 07-5803) 1/30 bhg., Omar bin Hussain (K/P 600414-07-5803) 11/208 bhg., Saad bin Che Mat 1/6 bhg., Tan Ah Kwah @ Tan Hee Chin (K/P 1555605) 463/ 3744 bhg. dan Tan Ah Kwah @ Tan Hee Chin (K/P 1555605) 6/624 bhg.		2310	672
877	609	Goik Pang Suey (K/P 3461023) 1/1 bhg.		968	205
		No. Pers. 1367/1989 Jil. 395 Fol. 3 Gadaian menjamin wang pokok oleh Goik Pang Suey (K/P 3461023) 1/1 bhg. kepada			

# WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

20hb Jun 2013]

313

No. Lot Ukur/ Survey Lot No.	Hakmilik atau Pendudukan/ <i>Title or Occupation</i>	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan/ <i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	Keluasan Lot/ <i>Area of Lot</i>	Anggaran Keluasan yang akan Dambil/ <i>Approximate Area to be Acquired</i>
	G.M.		Meter Persegi/ <i>Square Metres</i>	Meter Persegi/ <i>Square Metres</i>
		Ban Hin Lee Bank Berhad didaftarkan pada 9 Februari 1989 jam 02:30:00 petang		
		No. Pers. 1367/1989 Jil. 395 Fol. 3 Gadaian menjamin wang pokok oleh Goik Pang Suey (K/P 3461023) 1/1 bhg. kepada Ban Hin Lee Bank Berhad didaftarkan pada 10 Oktober 1991 jam 10:10:00 pagi		

Bertarikh 3 April 2013

*Dated 3 April 2013*

[PTG/PT/SPT/370; PTSPT/B/1/13; PUNPP 352/100/1/2/EA/12 Jld. 3]

DATO' HAJI ARIFIN BIN AWANG

*Pengarah Negeri*

*Pulau Pinang/*

*State Director*

*Penang*

**Hakeciptak Pencetak (H)**

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semu hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA